



Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak



Aliza Ibrahim



[FOTO HIASAN]

**Pelbagai inisiatif dijalankan di kampus** untuk membantu meringankan beban mahasiswa, terutama dari segi menampung kos makanan.

## Bantuan makanan percuma di kampus

**Kuala Lumpur:** Pelbagai inisiatif dilakukan di kampus untuk membantu meringankan beban kos makanan ditanggung mahasiswa melalui skim kebajikan disediakan, sekali gus dapat mengelakkan mereka terlalu kerap mengambil mi segera kerana mahu berjimat.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pusat pengajian universiti itu menyediakan sarapan

pagi percuma hampir setiap hari untuk pelajar yang tiada duit makan.

Selain itu, beliau berkata, UUM menyediakan makanan tengah hari percuma dua kali seminggu untuk pelajar menerusi sumbangan pensyarah.

“Universiti juga menyediakan skim seperti zakat dan pelbagai bantuan lain khusus untuk pelajar. Pihak universiti tidak pernah membiarkan sahaja pelajar yang mengalami masalah

kewangan, sebaliknya berusaha membantu mereka dengan sedaya upaya.

“Sepatutnya tidak timbul soal pelajar terpaksa makan mi segera kerana tiada duit memandangkan universiti menyediakan pelbagai bantuan untuk mereka,” katanya ketika dihubungi.

### **Maklumkan permasalahan**

Dalam konteks ini, Prof Mohamed Mustafa berkata, pelajar perlu memaklumkan permasalahan mereka bagi

membolehkan pihak universiti mengambil tindakan lanjut untuk membantu.

“Mereka perlu tampil berjumpa dengan pihak hal ehwal pelajar atau pegawai kebajikan pelajar untuk memastikan masalah itu dapat diselesaikan sebaik mungkin,” katanya.

Sementara itu seorang ibu kepada mahasiswa, Aliza Ibrahim, 54, mengaku kerap menasihati anaknya supaya mengurangkan pengambilan mi segera kerana

menyedari kesan jangka panjang jika diamalkan secara kerap dan berlebihan.

“Jika anak duduk di asrama, mereka akan memilih mi segera atau makan di luar. Pada pendapat saya, makanan di luar juga mengandungi pelbagai perisa tambahan yang tidak bagus untuk kesihatan.

“Oleh itu, saya menasihati anak supaya menggantikan pengambilan mi segera dengan makanan lain seperti roti atau biskut,” katanya.